



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (21)  
Tarikh : 15 Ogos 2020

## SIARAN MEDIA

---

### KEBUN KOMUNITI BANTU PENDUDUK PPR TAMBAH PENDAPATAN

---

**Petaling Jaya, 15 Ogos 2020** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan Majlis Pelancaran Kebun Komuniti Program Perumahan Rakyat Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Program Kebun Komuniti merupakan inisiatif KPKT bersama MAFI dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk setempat melalui aktiviti pertanian. Program ini telah mula dijalankan di 7 buah PPR yang terpilih melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) yang bertindak sebagai pemudah cara dan membantu penduduk berkolaborasi dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dalam memastikan kebun komuniti ini dapat direalisasikan. Secara keseluruhannya seramai 112 peserta telah terlibat pada tahun ini dan program keumpama ini akan diteruskan di 12 lagi lokasi PPR.

Penganjuran Kebun Komuniti ini adalah bertepatan dengan salah satu bidang utama Dasar Komuniti Negara iaitu Kluster 6: Keusahawanan dan Perniagaan Sosial. Program Kebun Komuniti ini menggalakkan budaya keusahawanan dan perniagaan di kalangan komuniti serta memberi peluang kepada komuniti untuk meningkatkan pendapatan melalui amalan pertanian.

Program Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang 2 ini telah mula dilaksanakan pada 2 November 2019. Fasa pertama program kebun di PPR ini melibatkan tanaman cili, sawi Jepun dan bayam Brazil. Manakala fasa kedua yang bermula pada 13 Julai 2020 melibatkan tanaman bendi, terung, kucai, kangkung, bayam Brazil, misai kucing, kunyit dan sebagainya. Seramai 50 orang penduduk PPR Lembah Subang 2 ini telah menyertai program ini.

Tanaman telah mula dituai pada 25 Disember 2019 dan tuaian kedua pada bulan Mac 2020 manakala tuaian ketiga pula adalah pada April 2020. Hasil tuaian telah dijual kepada penduduk setempat yang bukan sahaja dapat menjana pendapatan sampingan kepada peserta terlibat malah hasil jualan tersebut dapat juga digunakan bagi membeli baja, tanah, benih dan anak pokok bagi permulaan fasa kedua. Justeru, program ini dilihat berpotensi untuk meningkatkan lagi pendapatan peserta dan komuniti yang terlibat.

Pelaksanaan kebun komuniti di PPR Lembah Subang 2 ini turut melibatkan Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Jabatan Landskap Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Bahagian Kesejahteraan Bandar melalui PSMK.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah memberikan bantuan berjumlah RM20,000 dalam bentuk *in-kind* seperti seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada komuniti yang terlibat. Dalam masa yang sama, pihak NGO seperti SEEDS Malaysia, Persatuan Lestari Alam Malaysia dan *National Farmers Association Malaysia* juga akan membantu dari segi latihan kepada penduduk mengenai cara menanam yang betul dan cara membuat baja kompos.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan majlis Pelancaran buku Jemari Hijau yang diterbitkan oleh Jabatan Lanskap Negara. Buku ini merupakan modul sokongan untuk memperkasa program pembudayaan lanskap dalam taman dan juga kebun komuniti.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)